

Polisi Antirasuah

Jabatan Landskap Negara

POLISIAN TIRASUAH/JLN/O1/2026

KELUARAN: 01/2026

PINDAAN: 00/2026




Disediakan oleh:

Unit Integriti
Jabatan Landskap Negara

Diluluskan oleh:

Mansor bin Mohamad
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap
Negara

Tandatangan Pelulus:


Tarikh: 3/8/26

Polisi Antirasuah

- Jabatan Landskap Negara (JLN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertekad memerangi rasuah dalam semua aktiviti dan operasi berasaskan prinsip integriti dan akauntabiliti. JLN akan bertindak tegas dan tidak akan bertoleransi terhadap apa-apa bentuk rasuah. Bagi merealisasikan polisi ini, JLN komited melaksanakan perkara-perkara berikut:
1. Melarang warga JLN dan mana-mana individu atau syarikat yang bertindak untuk JLN atau bagi pihaknya daripada terlibat dalam sebarang bentuk salah laku rasuah seperti mana termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) seperti berikut:
 - i. Meminta atau menerima suapan [Seksyen 16 & 17(a)];
 - ii. Menawar atau memberi suapan [Seksyen 17(b)];
 - iii. Mengemukakan tuntutan palsu (Seksyen 18);
 - iv. Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan oleh pegawai badan awam (Seksyen 23);
 - v. Melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan atau persubahatan atau terlibat dalam komplot jenayah; dan
 - vi. Menerima benda yang berharga dengan tiada balasan daripada orang yang ada kena-mengena dalam urusan yang dijalankan oleh warga JLN (Seksyen 165).
 2. Beriltizam mengekalkan standard integriti yang paling tinggi termasuk mencegah perlakuan yang berunsur dan berpotensi rasuah serta tidak beretika dalam pelaksanaan aktiviti dan operasi Jabatan.
 3. Melaksanakan kawalan dalaman dengan mengguna pakai Pelan Antirasuah Organisasi (OACP JLN).

4. Pengurusan tertinggi JLN komited:
 - i. Memastikan pelaksanaan OACP di JLN dilaksanakan secara berkesan; dan
 - ii. Membuat pemantauan serta semakan semula OACP JLN bagi tujuan penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan.
5. Mewajibkan warga JLN mematuhi undang-undang, peraturan, pekeliling, arahan serta polisi berkaitan antirasuah dan pelanggaran kepada polisi ini membolehkan tindakan punitif dikenakan kepada mereka yang terlibat.
6. Menggalakkan warga JLN atau orang awam membuat aduan dan mendedahkan apa-apa kelakuan rasuah di JLN melalui surat aduan integriti JLN dan berhubung dengan Pegawai Integriti melalui surat, e-mel, telefon atau hadir sendiri ke Unit Integriti. Adalah diingatkan bahawa kegagalan melaporkan transaksi rasuah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
7. Mewujudkan Unit Integriti yang bebas daripada campur tangan atau pengaruh mana-mana pihak berkepentingan dalam pelaksanaan tugas dan fungsinya.